

SOALAN NO. 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]

TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberikan peruntukan khas kepada seluruh Ahli Parlimen untuk mengimarahkan ibadah sempena Ramadhan mulai pertengahan Jun 2015 ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyediakan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi semua kawasan Parlimen untuk melaksanakan pelbagai program/projek khususnya untuk faedah dan manfaat rakyat di kawasan berkenaan. Peruntukan ini diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (JPP/PPPN) berdasarkan kepada peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.

Sekian. Terima kasih.